

'PARTI MESTI DIJAGA BAIK UNTUK

Siapa pecah
UM 118 APR 1967
UMINO pengkh

GENERASI AKAN DATANG'

- belahkan

ianat – Dr.M

Oleh Nasaruddin
Abu Bakar

POH 10 April — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa sesiapa saja yang cuba memecah - belahkan UMNO adalah pengkhianat kepada orang - orang Melayu kerana kekuatan orang - orang Melayu adalah dari UMNO.

Katanya, orang-orang Melayu mestilah kuat dan kekuatan ini pula mestilah berteraskan kepada perpaduan yang ada di dalam UMNO.

Berucap merasmikan bangunan Wisma Maju UMNO berharga \$20 juta di Jalan Sultan Idris Shah di sini petang ini, Presiden UMNO itu juga menyatakan, slogan UMNO bersatu, bersetia dan berkhidmat hendaklah menjadi panduan ahli-ahli UMNO dalam perjuangan mereka.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, UMNO mestilah dijaga dengan baik, untuk diwarisi oleh generasi akan datang sebagai payung orang - orang Melayu berlindung.

Oleh itu, tambah beliau, jika ada pemimpin - pemimpin UMNO yang tidak baik hendaklah disingkirkan, termasuk diri beliau sendiri.

"Jangan lupa slogan UMNO, kerana slogan itu adalah senjata untuk mengekalkan keutuhan dan kekuatan parti," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu menekankan tentang keputusan pilihanraya 1986 dan kaitannya dengan soal pemilihan pucuk pimpinan.

Tegasnya, keputusan pilihanraya umum 1986 telah membuktikan kecemerlangan kepimpinannya dan rakyat telah memberikan Barisan Nasional dan UMNO kemenangan yang paling cemerlang.

"Kita bukan sahaja menang, tetapi cemerlang. Tak ada satu kerusi UMNO yang kalah, kecuali di Labuan," katanya lagi disambut dengan pekikan hidup UMNO dan menang Mahathir.

Beliau menyebut, kalau dalam pilihanraya 1986 itu UMNO menerima kekalahan, eloklah pemimpinnya disingkirkan, tetapi UMNO menang dan Barisan menang besar.

"Yang sedihnya, yang cakap itu seolah - olah Lim Kit Siang. Inilah yang menghairankan kita dan ini menunjukkan ada jawatan yang orang perlukan," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir meminta seluruh anggota UMNO supaya berjuang melalui adab dan sopan santun yang sejajar dengan kehidupan orang - orang Melayu. Katanya, orang - orang Melayu sentiasa mengamalkan budi bahasa dan tatasusila yang baik dan inilah adat resam yang menjadi pegangan setiap anggota masyarakat Melayu.

"Kita kenalah hormati orang tua-tua, kita pakai baju untuk tutup aurat dan tradisi itulah yang wajar dan bersesuaian dengan kehendak agama Islam," kata beliau.

Beliau menyebut sejak tertubuh UMNO, biasanya jawatan parti akan berlaku pertandingan untuk kerusi nombor dua ke bawah.

Tetapi, kata beliau, ada setengah pihak menganggap tradisi itu sebagai "kolot."

Beliau menyebut, tujuannya berucap di mana-mana bukanlah sebagai berkempen untuk jawatannya, tetapi semata - mata untuknya menjawab tohmahan, kerana kalau tak berbuat demikian orang - orang akan terus menampelaknya.

Beliau menyatakan khuatir betapa penyakit "iri hati"

LIHAT MUKA 6

SIAPA PECAH-BELAHKAN UMNO

PENGKHIANAT UM 11 APR 1987

kini menghingapi setengah pihak dalam UMNO, semata-mata kerana tak dapat sesuatu jawatan. Beliau menyifatkan penyakit itu sebagai bengkak yang sudahpun meletup dan mengancam kekuatan UMNO dan orang-orang Melayu sendiri. "Aja yang anggap UMNO sebagai alat sepolan -

polan. Saya tak sebut siapa," tegasnya disambut dengan pekikan Hidup UMNO dan Hidup Mahathir. Beliau tidak mahu menyebut "kerana orang tahu siapa sebenarnya." Beliau juga memberitahu bahawa UMNO telah diadun dan dipelihara begitu rupa oleh kalangan

cerdik pandai Melayu bagi kepentingan bangsa Melayu dan matlamatnya ialah untuk jentera kekuatan bangsa hingga bila-bila masapun. Kita terima UMNO secara percuma dan tugas kita ialah menjaganya dengan baik dan UMNO akan diserahkan untuk penjagaan generasi

seterusnya bagi pembangunan orang-orang Melayu. "Kita tak berhak pecah-belahkannya. Kita jangan gunakan UMNO untuk kepentingan diri kita sendiri. Kita akan serahkan UMNO yang kukuh kepada generasi akan datang dengan satu matlamat sahaja," kata beliau.